

# Musa yakin Barisan kekal di Rungkup

**IPOH, Ahad —** Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, yakin Barisan Nasional akan dapat mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri / kawasan Rungkup.

Bellau yang juga Ketua Perhubungan Umno Perak memberitahu para pemberita di sini, lima calon dari Umno telah dicadangkan untuk bertanding di situ.

Sebelum ini, beliau telah mengadakan perjumpaan biasa dengan Jawatankuasa Perhubungan Umno Perak di Ibu pejabat Umno negeri di sini, semalam.

Katanya, proses pemilihan kelima mereka yang dicadangkan itu sedang dibuat dan calon terpilih akan diumumkan selewat-lewatnya 15 November ini.

"Insyallah, saya yakin Barisan Nasional akan dapat mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Rungkup," tegasnya.

Pilihanraya kecil ini diadakan berikutan kematian Haji Mohd Yaacob bin Haji Mohamed, 62, pada 20 Oktober lalu.

Suruhanjaya Pilihanraya telah menetapkan hari penamaan calon kawasan itu pada 17 November. Jika ada pertandingan, hari membuang undi pada 3 Disember depan.

Semalam, seorang Juruteknik Jabatan Ukur, Encik Shoab bin Yahaya, telah mengumumkan niatnya untuk bertanding sebagai calon Bebas di kawasan itu.

Ketua Umno Bahagian Bagan Datoh, Encik Mohamed bin Jumrah, 39, disebut-sebut berkemungkinan besar dipilih sebagai calon Barisan Nasional.